



**KENYATAAN MEDIA**  
**Bengkel Klasifikasi Para SUKMA XXII Selangor 2026**  
**Untuk Perkukuh Sistem Klasifikasi Atlet Para Malaysia**

---

**Kuala Lumpur, 7 April 2026 – Majlis Paralimpik Malaysia (MPM)** telah menganjurkan **Bengkel Klasifikasi Para SUKMA XXII Selangor 2026** di Dorsett Grand Subang Hotel sebagai langkah penyediaan kontinjen negeri-negeri menjelang temasya Para SUKMA XXII yang dijadualkan berlangsung pada 5-10 September 2026 di Selangor.

Bengkel selama dua hari ini telah dihadiri oleh 40 pegawai, termasuk Ketua Klasifier, Pegawai Koordinasi Klasifikasi Negeri, Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN), Sekretariat Para SUKMA, serta Sekretariat AJK dari MPM. Program ini turut melibatkan pakar bagi kategori kecacatan iaitu **Physical Impairment (PI)**, **Visual Impairment (VI)** dan **Intellectual Impairment (II)**.

#### **Tiada Klasifikasi – Tiada Sukan Para**

Bengkel ini bertujuan untuk memperkukuh pemahaman mengenai Sistem Klasifikasi Sukan Para di Malaysia, termasuk:

- **Malaysia Para Athlete Classification System (M-Pac)**
- **Para SUKMA Classification Playbook**
- **Tatacara Penggunaan PCM Classification System**
- **Struktur Tadbir Urus Klasifikasi, Peranan & Tanggungjawab Klasifier**
- **Prosedur Menangani Konflik Kepentingan, Protes & Rayuan**

Melalui sesi ceramah, simulasi dan perbincangan kes, semua peserta diberi pendedahan terhadap standard antarabangsa serta *best practices* bagi memastikan setiap atlet diklasifikasikan secara adil, tepat dan seragam.

#### **Persediaan Menyeluruh ke Arah Para SUKMA XXII 2026**

Presiden MPM, **YH Dato' Seri Megat D. Shahrman**, menegaskan bahawa usaha penyelarasan awal ini penting untuk memperkukuh integriti sistem klasifikasi dan memastikan proses klasifikasi menjelang Para SUKMA berjalan lancar.

“Bengkel ini bukan sahaja memantapkan kefahaman teknikal, tetapi juga meningkatkan persediaan panel klasifikasi di seluruh negara. Ia merupakan komponen kritikal dalam memastikan kelangsungan pembangunan sukan Para secara mampan,” katanya.

Program turut merangkumi sesi khas **Penyampaian Sijil Pelantikan** kepada semua pegawai bagi memuktamadkan struktur pelaksanaan klasifikasi untuk temasya akan datang.

#### **Komitmen MPM Terhadap Integriti Sukan Para**

MPM komited untuk memastikan setiap atlet Para mendapat peluang bertanding yang adil melalui sistem klasifikasi yang telus, profesional dan mengikut standard antarabangsa. Bengkel ini juga menjadi platform penting bagi meningkatkan bilangan **klasifier tempatan yang diiktiraf**, bagi menyokong hala tuju sukan Para di Malaysia.

**Unit Pemasaran dan Komunikasi**  
**Majlis Paralimpik Malaysia**  
**7 April 2026**